

MEMUPUK SEMANGAT SILATURAHIM DI ANTARA BELIA, BELIAWANIS MASJID



MAJLIS Dikir dan Tausyeh Kumpulan Belia dan Beliawanis Masjid Senegara Tahun 1443H / 2021M sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam diadakan secara maya, yang turut disertai oleh Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 November. - Bagi menyemarakkan lagi Sambutan

Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam juga mengeratkan lagi hubungan

silaturahmi di antara Kumpulan Belia dan Beliawanis Masjid Senegara, Jabatan Hal Ehwal

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

Masjid melalui Bahagian Imarah dengan kerjasama Kumpulan Belia Masjid Kampung Pelambayan mengadakan Majlis Dikir dan Tausyeh Kumpulan Belia dan Beliawanis Masjid Senegara Tahun 1443 Hijrah / 2021 Masihi sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, yang diadakan secara maya melalui aplikasi Zoom.

Hadir selaku tetamu khas pada majlis tersebut, Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri. Turut hadir, kumpulan-kumpulan belia dan beliawanis masjid senegara.

Antara tujuan majlis tersebut diadakan adalah untuk memupuk semangat silaturahmi di antara belia dan beliawanis masjid. Di samping itu, memupuk semangat cinta akan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Acara juga dihasratkan untuk melatih dan mendekatkan para belia, khususnya dengan memperbanyakkan berzikir dan berselawat, sekali gus membimbing para belia dalam sama-sama mengikuti aktiviti masjid.

Acara yang diadakan secara

maya tersebut, dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, dipimpin oleh tetamu khas, diikuti dengan Dikir Assalamualaika, dipimpin oleh Awang Muhammad Hasan Basri bin Haji Hanipah, Belia Masjid dari Daerah Brunei dan Muara. Sementara itu, Dikir Bishahrin, dipimpin oleh Awang Md. Fadillah bin Haji Mohd. Hayupkhan, Belia Masjid dari Daerah Belait.

Majlis juga turut diserikan dengan Persembahan Tausyeh, dipimpin oleh Awang Muhammad Faez bin Zakaria, Belia Masjid dari Daerah Temburong. Kemudian, Dikir Asyrakal, dipimpin oleh Awang Mohd. Wazzirul Wafaudin Esa, Belia Masjid dari Daerah Tutong.

Bagi memberkati majlis, bacaan Doa Dikir dibacakan oleh Awang Ahmad Syarkawi bin Mardy, Belia Masjid dari Daerah Brunei dan Muara. Sementara bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam juga Doa Terhindar Daripada COVID-19, dibacakan oleh Awang Muhammad Azfarizul Faqih bin Azaman, Belia Masjid dari Daerah Tutong.

Majlis diakhiri dengan kata alu-aluan daripada tetamu khas dan sesi bergambar ramai.

Memperkasa bidang dakwah dengan norma baharu

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 November. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Usuluddin mengadakan sebuah Program Pengenalan Gerakan Dakwah Islam bagi pelajar tahun akhir, dari Program Akidah dan Dakwah. Program dibahagikan pada dua sesi, iaitu pagi dan malam juga berlangsung secara maya melalui aplikasi Zoom.

Para mahasiswa sangat berbesar hati apabila program tersebut mendapat sokongan padu daripada pihak Pusat Da'wah Islamiah (PDI) dalam memperkasa bidang dakwah, di negara ini.

Pada sesi sebelah pagi, Profesor Madya Dr. Ahmad Fadhel Yousif selaku pensyarah bagi Kursus al-Harakat al-Da'awiyah al-Mua'sirah hadir bagi memantau perjalanan program yang dikendalikan oleh para mahasiswa.

Turut hadir bagi pihak PDI, Ketua Bahagian Pengembangan Da'wah, Awang Ali Hassan bin Mohd. Said; Ketua Bahagian Pembangunan Muaf, Dr. Hajah Rohanita binti Haji Yaakub; Pegawai pegawai PDI selaku penyampai taklimat; dan guru-guru pembimbing program tersebut.

Pada sesi pagi, dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, dipimpin oleh mahasiswa UNISSA, Muhd. Abdul Azim bin Haji Suhaili, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada mahasiswa

selaku Pengerusi Majlis, Syafiq Hafizuddin bin Said dan diteruskan dengan sesi bergambar ramai.

Kemudian, program diteruskan dengan taklimat daripada para pegawai PDI mengenai organisasi itu sendiri, pengembangan dakwah dan pembangunan muaf, kemudian diteruskan dengan sesi soal jawab daripada para mahasiswa UNISSA.


Pada sesi malam pula, program tersebut mendapat sambutan daripada para muaf dan dihadiri seramai 21 peserta. Jumlah tersebut menepati sasaran program.

Sesi ini dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diketuai oleh mahasiswa UNISSA. Kemudian, sesi bergambar ramai sebelum aktiviti dimulakan.

Adapun aktiviti yang disediakan ialah aktiviti berbentuk perbincangan atau perkongsian antara pelajar dan peserta muaf, mengikut soalan-soalan yang disediakan oleh mahasiswa. Aktiviti tersebut dinamakan *card games*.

Antara tujuan aktiviti bersama peserta muaf tersebut diadakan adalah supaya para mahasiswa terdedah dan dapat berinteraksi dengan para muaf yang berada di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Antara manfaat utama yang para mahasiswa peroleh daripada program tersebut ialah para mahasiswa dapat mengetahui dan



UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali melalui Fakulti Usuluddin mengadakan Program Pengenalan Gerakan Dakwah Islam bagi pelajar tahun akhir dari Program Akidah dan Dakwah, yang dibahagikan pada dua sesi, iaitu pagi dan malam, secara maya melalui aplikasi Zoom.

memahami gerakan dakwah Islam di NBD juga memperoleh perkongsian dan pengalaman yang menarik daripada para muaf tentang titik permulaan mereka mengenali Islam.

Di samping itu juga, dengan adanya program ini para mahasiswa berpeluang untuk mengongsikan sedikit sebanyak ilmu yang dipelajari, terutama sekali daripada bidang dakwah

kepada para muaf.

Majlis diakhiri dengan ucapan khas daripada Ketua Bahagian Pembangunan Muaf, Dr. Hajah Rohanita. Dalam ucapannya, beliau mengatakan, "Pada kali ini disebabkan oleh penularan COVID-19 yang melanda negara kita, cara kita berdakwah adalah sangat berbeza daripada kebiasaan kerana kita hendaklah mengikuti norma baharu, iaitu

secara alam maya.

"Ini merupakan satu cabaran kepada para da'ie untuk menghadapi cabaran-cabaran dalam berdakwah. Dengan adanya aktiviti seperti ini, para mahasiswa dapat memperoleh pengalaman berharga dalam berdakwah serta dapat berinteraksi dengan para muaf menggunakan *uslub* dan metodologi dakwah yang bersesuaian".